



Catat untung sebelum cukai RM198j

Kuala Lumpur: Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia) mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai 4.9 peratus kepada RM198 juta ba-



gi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Pengarah Pengurusannya Saw Chooi Lee berkata, peningkatan keuntungan itu disebabkan kenaikan jualan serta margin lebih besar berikutan harga bahan mentah tenusu yang menurun.

“Walaupun keadaan pasaran mencabar, namun peningkatan hasil tahun lalu disebabkan kami fokus terhadap kategori produk utama iaitu produk susu tepung rumusan untuk kanak-kanak Dutch Lady Growing Up, susu tepung rumusan untuk kanak-kanak Friso Gold dan produk Dutch Lady

sedia diminum disokong dengan kempen pemasaran yang menarik.

“Biarpun tahap keyakinan pengguna Malaysia meningkat sedikit, namun keyakinan mereka kekal pada tahap pesimistik dan rendah berbanding negara jiran,” katanya.

Syarikat menawarkan pelbagai pilihan kepada pengguna dari segi jenis dan saiz produk sambil meningkatkan pengguna kepentingan tenusu dalam nutrisi mereka.

Dalam perkembangan lain, keuntungan sebelum cukai Dutch Lady Malaysia turun kepada RM42.1 juta

pada suku pertama berakhir 31 Mac 2017 daripada RM45.79 juta tempoh sama tahun lalu.

Keuntungan sebelum cukai turun lapan peratus disebabkan harga bahan mentah tinggi serta pelaburan dalam pengiklanan dan promosi.

Bagaimanapun, hasil pengeluaran produk tenusu itu meningkat kepada RM250.1 juta daripada RM249.79 juta sebelumnya.

“Pada masa hadapan, syarikat menjangkakan pasaran kekal mencabar dalam keadaan harga bahan mentah tinggi dan nilai ringgit yang lemah,” katanya.